



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA  
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA  
ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50480 KUALA LUMPUR**

Telefon : (03) 2618 9958  
Faks : (03) 2618 9844  
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : (10)PKR(L) 2/1/26/Jld. 7  
Tarikh : 17 Mac 2020

Semua Jurutera Elektrik Penguasa Kanan  
Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur  
Semua Ketua Jurutera Elektrik Negeri  
Semua Jurutera Elektrik Kader

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
BIL.2 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PEMASANGAN KONDUIT 'DOWN-DROP' BAGI KERJA EXTRA  
LOW VOLTAGE (ELV) DAN INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)  
DALAM SKOP KERJA ELEKTRIK (LOW VOLATAGE – LV)**

### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tentang Garis Panduan Pemasangan Konduit 'Down-Drop' Bagi Kerja ELV dan ICT yang akan dilaksanakan oleh Sub Kontraktor Elektrik (LV).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

Bagi projek-projek yang skop kerja ELV dan ICT adalah agak besar, kedua skop ini akan ditender secara berasingan dari kerja-kerja LV/MV. Kebiasaannya, tender kerja LV/MV akan ditender terlebih dahulu dan diikuti oleh tender kedua skop tersebut.

Berdasarkan rekod-rekod masalah pelarasan dan pelaksanaan kerja pendawaian elektrik di tapak, sering terjadi situasi dimana Sub Kontraktor dinamakan *Nominated Sub Contractor* (NSC) bagi kerja-kerja ELV dan ICT lewat dibuat pelantikan oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Keadaan ini telah menyebabkan kerja-kerja pemasangan konduit 'down-drop' pada dinding bangunan lambat dilaksanakan dan telah mengganggu kemajuan dan jadual kerja Kontraktor Utama/ *Main Contractor* (MC).

Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya skop kerja pemasangan konduit 'down-drop' bagi peralatan dan pendawaian ELV dan ICT ini dilaksanakan oleh NSC Kerja Elektrik (LV).

### **3.0 KAEDAH PELAKSANAAN**

Semasa proses rekabentuk sistem ELV dan ICT, perekabentuk hendaklah mengenal pasti bilangan dan lokasi mata (point) peralatan dan suis yang ada di dalam setiap

Ruj Kami : (10)PKR(L)2/1/25/Jld.7  
Tarikh : 17 Mac 2020

ruang dan bilik. Kuantiti kerja konduit ‘down-drop’ yang terlibat hendaklah disenaraikan ke dalam Senarai Kuantiti Kerja Infrastruktur Konduit ‘Down-Drop’ seperti di **Lampiran A** dan dimasukkan ke dalam Senarai Kuantiti Tender Kerja LV/MV. Manakala bagi senarai peralatan, lokasi dan kaedah pemasangan bagi kerja-kerja ELV dan ICT yang terlibat adalah seperti di **Lampiran B**.

#### 4.0 PENGUATKUASAAN

Surat ini berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani dan digunakan bagi semua projek yang dianggarkan iklan tender bagi kerja-kerja ELV dan ICT tidak dapat dibuat dalam tempoh (3) bulan selepas pelantikan Kontraktor Utama.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

J. (Ir. HAJI YAAKOB BIN ABDUL LATIF)  
Pengarah Kanan  
Cawangan Kejuruteraan Elektrik  
Ibu Pejabat JKR Malaysia.

